



**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YANG BERBAHAGIA  
PROFESOR IR. DR. AHMAD RASHIDY BIN RAZALI  
REKTOR  
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG**

**SEMPENA  
MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI & KUALITI  
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG 2023  
DI  
DEWAN BESAR, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH**

**PADA  
1 DISEMBER 2023 / 17 JAMADILAWAL 1445H  
(JUMAAT)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَصَاحِبِهِ أَخْمَعُينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

1. Yang Berusaha Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Siti Noraini Binti Sulaiman,  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik.
2. Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Basharudin Bin Abdul Hadi,  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
3. Yang Berusaha Prof.Madya Ts. Dr. Kay Dora Binti Abd Ghani,  
Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan  
Alumni
4. Yang Berusaha Dr. Zuhaida Binti Mohd Zuki,  
Ketua Unit Kualiti,
5. Yang Berusaha Encik Amir Heberd Bin Abdullah,  
Penolong Rektor Kampus Bertam
6. Yang Berusaha wakil THB Maintenance Sdn.Bhd
7. Yang Berusaha wakil Garden Village Sdn. Bhd
8. Yang Berusaha Ahli Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Pulau  
Pinang
9. Yang Berusaha Ketua Pusat Pengajian, Ketua Program, Koordinator  
dan Ketua Jabatan
10. Barisan Jawatankuasa Penganjur Majlis Kemuncak Bulan Inovasi &  
Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang 2023

11. Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.r.t.

Salam Malaysia Madani

Salam UiTM Dihatiku

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد  
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم  
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد  
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas sifat Rahman dan Rahim-Nya juga, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan dan kelapangan waktu untuk bersama-sama dalam Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM Cawangan Pulau Pinang 2023 pada pagi ini.
2. Saya amat berbesar hati untuk menyempurnakan majlis pada hari ini bagi meraikan seramai **280 orang warga UiTM Cawangan Pulau Pinang** yang terdiri daripada **82 orang penerima APC**, **34 orang penerima anugerah pentadbiran**, **40 orang penerima anugerah jawatankuasa**, **82 orang penerima anugerah cendekiawan epitome** serta **20 orang penerima anugerah jasamu dikenang**. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah

di atas prestasi cemerlang yang ditunjukkan sepanjang tahun 2022. Semoga pengiktirafan ini dapat menyuntik semangat dan mencetus inspirasi buat seluruh warga UiTM yang lain untuk bersama-sama memberikan khidmat cemerlang dalam memastikan perkhidmatan universiti kekal mampan.

Hadirin yang dihormati sekalian

3. Selari dengan kejayaan gemilang UiTM Cawangan Pulau Pinang pada tahun 2022, semuanya adalah berkat usaha warga UiTMCPP yang bekerja keras demi mengharumkan nama UiTMCPP di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa di dalam pelbagai bidang. Kejayaan ini tidak mungkin akan dapat diperoleh tanpa adanya usaha dan pengorbanan dari segi masa dan tenaga daripada semua pihak. Bak kata pepatah Arab, ‘mengharapkan kejayaan tanpa adanya usaha ibarat mengharapkan kapal belayar di daratan’.
4. Akhir kalam saya percaya semua penerima anugerah dihadapan saya akan sentiasa meningkatkan kemahiran diri bagi menjulang kesarjanaan akademik serta kualiti kehendak pelanggan.

## PENUTUP

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

5. Mengakhiri ucapan saya pada kali ini, saya bacakan serangkap pantun:

Kalau pergi Tanjung Keramat,  
Anak manis jangan diangkat,  
Bersama kita memohon rahmat,

Moga majlis mendapat berkat.

6. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti peringkat UiTM Cawangan Pulau Pinang 2023**.

Sekian,        Wabillahitaufik        Walhidayah        Wassalamualikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.